

AGENDA - Minit Mesyuarat Kongress Parti (2025)

Tarikh:	16 Mac 2026 (Ahad)	Jumlah wakil yang layak hadir:	4203
Masa:	10.00 am – 2.00 pm	Jumlah wakil yang hadir:	3367
Tempat:	IDCC, Shah Alam		
Yang diPertua:	Sdr.Dato'Leong Ngah Ngah		
Tim. Yang diPertua:	1. Sdri.Noorita Binti Sual 2. Sdr.Datuk Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair		

Urusan Persidangan:

Persidangan bermula dengan upacara nyanyian Lagu Kebangsaan dan Lagu Parti

1. Ucapan Aluan oleh Pengerusi Kebangsaan, Saudara Lim Guan Eng (SILA RUJUK LAMPIRAN A)
2. Ucapan Dasar oleh Setiausaha Agung, Saudara Anthony Loke Siew Fook (SILA RUJUK LAMPIRAN B)
3. Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat (JTP) dibentangkan oleh Setiausaha Agung
4. Memilih satu Jawatankuasa Tertinggi Pusat
5. Meluluskan Minit Kongress Parti 2024 yang terdahulu
 - Minit mesyuarat 2024 dibentangkan oleh Setiausaha Organisasi Kebangsaan
 - Pencadang: W2912, Minnal Veeran A/L Palanisamy, cawangan Senawang Estate
 - Penyokong: W3104, Mugunthan A/L Subramaniam, Cawangan Kg. Pasir
 - Minit Mesyuarat diluluskan sebulat suara oleh perwakilan Kongres
6. **Menimbang dan menerima daripada Jawatankuasa Tertinggi Pusat satu Penyata Kira-kira Kewangan yang telah diaudit dengan sempurna dan meliputi tahun-tahun kewangan yang terdahulu**
 - Penyata Kewangan Tahun 2024 dibentangkan oleh Bendahari Kebangsaan
 - Pencadang: W3820, Cassel Craig Krishnan, Cawangan Taman Rumpun Bahagia
 - Penyokong: W2169, Ganeson A/L Ramasamy, Cawangan Happy Valley
 - Penyata Kewangan (Tahun 2024) diluluskan secara sebulat suara oleh perwakilan Kongres
7. **Menimbang dan menerima Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat**
 - Yang Dipertua mengemukakan usul mencadangkan supaya tiga urusan diatas iaitu Laporan Tertinggi Pusat, Penyata Kewangan Yang telah diaudit terdahulu DAN menimbang dan menerima Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat dibahas secara sekaligus. Cadangan Disokong dan diluluskan sebulat suara oleh Perwakilan Kongres.
 - Pencadang: W0312, Venayagam A/L A Perumal, Cawangan Pekan Sungai Buluh
 - Penyokong: : W0130, Phoong Jin Zhe, Cawangan Luyang
 - Wakil-wakil yang mengambil bahagian dalam perbahasan:
 1. W3222 Quratulain Atiqah Binti Norzahirul Anuar
 - Memuji Kerajaan madani kerana telah berjaya melaksanakan agenda Refomasi Institusi dimana Kerajaan telah berjaya meminda beberapa Rang Undang-Undang penting seperti Rang Undang Perkhidmatan Parlimen dan Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia.berharap juga agar usul refomasi seterusnya akan terus diperjuangkan seperti refomasi pengasingan peranan Badan Peguamnegara dan Pendakwaraya.

2. W0126 Chen Kah Eng

- Berharap agar semua ahli parti berusaha bersama untuk memastikan pada PRN akan datang DAP Johor akan menjadi sebahagian daripada Kerajaan Negeri di Johor.
- Mengusulkan di era digital ini perkara -perkara berikut:-
 - Pindaan perlembagaan parti berhubung dengan notis mesyuarat yang mana buat masa ini hanya notis bertulis/kertas notis dihantar melalui pos sahaja yang dikira sebagai pemberitahuan mesyuarat/konvensyen yang sah menurut perlembagaan parti.
 - Menggalakkan setiap negeri dan kebangsaan agar perkara mesyuarat dihantar secara digital dan bukannya bercetak.
 - Dokumen selepas AGM setiap cawangan dikongsi melalui applikasi atau atas talian.
 - Yuran seumur hidup diturunkan RM100 dan yuran tahunan RM10.

3. W2480 Mohd Farid Bin Mohd Azmi

- Berkongsi pengalaman sebagai seorang Ahli Dap berbangsa Melayu, namun tetap teguh Bersama perjuangan parti DAP. Beliau turut berbangga atas pencapaian DAP terutamanya di negeri Pulau Pinang dan merakamkan penghargaan kepada Setiausaha Agung DAP atas kelulusan LRT laluan Mutiara dan Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang serta berterima kasih kepada pimpinan parti yang menganggotai Kabinet Malaysia atas beberapa kelulusan Pembangunan infra di Pulau Pinang.

4. W0080 Thulsi Thivani A/P Manogaran

- Menyokong reformasi yang telah dibentangkan oleh Setiausaha Agung dan berusaha untuk memastikan KPI yang ditetapkan dapat dicapai contohnya 30% wakil Wanita sebagai Ahli Parlimen. Beliau juga menyambut baik inovatif penubuhan Tabung Pendidikan mendiang Datuk P. Patto. Dalam masa yang sama mengingatkan semua anggota Parti bahawa perjalanan perjuangan parti masih panjang dan ahli parti perlu ingat sentiasa akan asas perjuangan parti iaitu Ideologi Sosial Demokrasi.

5. W2689 Lim Hooi Yee

- Membahaskan tentang permasalahan dan penyelesaian isu penyelarasan projek Persekutuan di Kedah. Antara cabaran utama ialah ketiadaan saluran komunikasi yang berstruktur antara DAP negeri Kedah sebagai parti dalam Kerajaan Persekutuan dengan institusi dan program -program Persekutuan yang dijalankan di negeri Kedah. Kelemahan ini menyebabkan jurang maklumat dan menyukarkan penyelarasan program Pembangunan. Beliau menyarankan satu mekanisme kerjasama formal dibentuk diantara wakil Kerajaan Persekutuan dan wakil rakyat daripada parti komponen Kerajaan madani di Kedah.

6. W1090 Chan Loong Wei

- Memohon pimpinan parti pusat untuk memberi tumpuan dan focus kepada Dap Sabah, beliau turut berterima kasih kepada keseluruhan pimpinan Dap kebangsaan khususnya Menteri – Menteri dan Timbalan – Timbalan Menteri DAP di dalam Kerajaan Perpaduan yang telah menunjukkan komitmen dan perhatian yang tinggi terhadap Pembangunan negeri Sabah. Ini amat penting kerana Sabah akan menghadapi PRN selewat – lewatnya suku terakhir tahun ini dalam masa yang sama DAP oleh membuktikan bahawa perjuangan Parti DAP Sabah di dalam Kerajaan madani bukan sekadar retorik tetapi benar-benar membawa Pembangunan kepada negeri Sabah.

7. W1369 George Lam Li Kang
 - Beliau mengemukakan persoalan adakah CEC akan membantu DAP Sarawak dalam PRN akan datang dan mengingatkan pucuk pimpinan nilai teras perjuangan parti.
8. W1958 Tan Eng Ho
 - Berterima kasih kepada Kerajaan Perpaduan kerana negara berada di landasan Pembangunan yang betul. Contohnya Projek Pelebaran Lebuhraya Karak yang merupakan pintu masuk utama ke Pantai Timur dan projek ECRL yang dijangka beroperasi pada December, 2026. Beliau juga menyuarakan tentang kedudukan DAP dalam Kerajaan negeri Pahang.
9. W0113 Seah Shoo Chin
 - Berpendapat bahawa isu parti dan cawangan perlu mendapat perhatian daripada Pucuk pimpinan Parti. Memohon pucuk pimpinan mengkaji kemungkinan pertambahan kerusi DUN Melaka.
10. W2997 Lee Kai Yet
 - Berpendapat perpaduan kukuh dalam Parti DAP perlu dikekalkan selepas pemilihan CEC hari ini, semua ahli dan pemimpin -pemimpin parti perlu Bersatu-padu semula demi parti dan kebaikan rakyat Malaysia.
 - Berpendapat Parti perlu menghargai veteran – veteran parti kerana tanpa pengorbanan veteran-veteran dahulu maka tiada parti DAP pada hari ini, yang telah menjadi Kerajaan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Sebagai contoh, sebagai parti di dalam Kerajaan pada hari ini, parti bolehlah mencalonkan veteran-veteran ini diberikan pingat.
11. W2723 Mohamed Yazzer Azzad Bin Zainuddin
 - Mengucapkan ribuan terima kasih kepada dua figura parti dari Wilayah Persekutuan iaitu sdr Tan Kok Wai dan Fong Kui Lun kerana memberi laluan kepada generasi baru dan tidak bertanding pada CEC kali ini.
 - Beliau turut membangkitkan isu diversity dan kepelbagaian budaya yang diterapkan dan didokong oleh Parti DAP menjadikan kita adalah parti yang berbeza dengan parti lain yang sedia ada.
 - Wilayah Persekutuan turut Menyambut baik Rang Undang – undang Pembangunan Semula Bandar yang merupakan reformasi tabir urus dan Pembangunan semula bandar yang lebih efisien, telus dan berintergrasi.
12. W1304 Lim Shu Chzen
 - Mengucapkan tahniah kepada semua delegasi yang hadir dan berkongsi tentang empat agenda teras perjuangan DAPSY iaitu, Memansuhkan Akta Kolej Universiti (AUKU) 1971, Menyatukan Sistem kemasukan university dan memperjuangkan Pendidikan yang adil, mengembalikan Pendidikan politik dan merekrut anak muda berbakat.
13. W0090 Pang Sock Tao
 - Mengucapkan tahniah dan Syabas kepada Setiausaha Agung atas pengumuman dua perkara iaitu Pertama, Ketua Wanita DAP akan dilantik sebagai Anggota Tetap dalam Jawatankuasa Pemilihan Calon, ini merupakan satu pembaharuan yang besar dan signifikan dalam memastikan suara Wanita terus diangkat dalam proses pemilihan calon. Kedua, Cadangan mengenai pelaksanaan kuota 30% bagi calon Wanita di peringkat Parlimen dalam PRU ke-16. Cadangan beliau agar kuota Wanita 30 % ini buka Sahaja terpakai di peringkat nasional tetapi haruslah dikembangkan kepada semua peringkat.

14. W2169 Ganeson A/L Ramasamy
 - Menyuarakan keperluan pemimpin yang boleh berbahasa Tamil untuk komuniti Tamil di peringkat Negeri kursusnya di Negeri Pulau Pinang dan peringkat kebangsaan. Beliau juga berterima kasih kepada Pengerusi Negeri Pulau Pinang Sdr. Steven Sim kerana telah banyak membantu penubuhan cawangan DAP.
15. W0367 Yip Jenzen
 - Menyuarakan tentang isu “Brain Drain” di kalangan orang muda di Malaysia. Ramai orang muda berhijrah ke negara – negara luar kerana peluang yang lebih baik, sehingga menyebabkan negara kita kehilangan banyak bakat.
16. W0132 Lau Weng San
 - Mengkongsikan bahawa di dalam Persidangan Speaker pada tahun lalu di Sarawak, semua Speaker dari semua negeri, komited untuk memperkasakan Jawatankuasa Pilihan Khas dan Perkhidmatan Dewan Undangan negeri, di Semua negeri di Malaysia dan menyeru semua ahli – ahli Yang Berhormat daripada DAP untuk memainkan peranan menyokong perkara ini. Beliau juga menyokong Cadangan Setiausaha Agung tentang perlu adanya tatakelola berkenaan dengan pemilihan calon – calon DAP agar calon – calon kita semuanya berintergriti.
17. W0535 Chan Cheng Huat
 - Beliau bersetuju dengan Cadangan Setiausaha Agung agar jawatan Pengarah Pilihanraya dijadikan satu jawatan rasmi agar jawatan ini tidak dilantik hanya bila dekat masa pilihanraya. Jawatan ini sangat besar, penting dan memerlukan perancangan jangka Panjang.
18. W2725 Chuah Seong Joo
 - Memberi cadangan supaya kerajaan mengambil langkah yang lebih drastik dan strategik dalam menarik Pelaburan Asing (FDI) bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang. Contohnya negara Vietnam menawarkan insentif cukai yang cukup menarik kepada Syarikat asing menjadikan ianya lebih kompetitif berbanding negara kita Malaysia. Negara juga perlu memastikan infra, logistik, tenaga kerja dan kestabilan politik bagi menarik FDI.
 - Mengingatkan Parti untuk mempertahankan hak setiap individu tanpa mengira kaum & agama. Kerajaan Perpaduan tidak harus mendukung agenda Konservatif dan terus mempertahankan hak masyarakat majmuk.

Menimbang dan menerima Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat

Pencadang: W0132 Lau Weng San, Cawangan Pekan Telok Datuk

Penyokong: W0130 Phoong Jin Zhe, Cawangan Luyang

- **Laporan jawatankuasa Tertinggi diluluskan sebulat suara oleh perwakilan Kongres**

8. Meluluskan ketetapan-ketetapan yang dibentangkan oleh JTP

Pencadang : W1428, Lee Sau Wei, Cawangan O.U.G

Penyokong : W0083, Tiw Tee Siang, Cawangan Kampung Simee Baru

- **Cadangan Ketetapan – Ketetapan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat diluluskan sebulat suara.**

9. Melantik seorang Akauntan Berkelayakan atau sebuah firma akauntan berkelayakan sebagai juruaudit luar parti sehingga Kongress Kebangsaan Parti Yang akan Datang.

Firma akauntan yang dicadang : TCMK Associate

Pencadang : W0132 Lau Weng San, Cawangan Pekan Telok Datuk

Penyokong: W2751 Leong Ooi Yee, Cawangan Taman Cheras

- **Cadangan diluluskan sebulat suara oleh perwakilan Kongres**

10. Melantik dua orang ahli Parti sebagai Juruaudit dalaman Parti sehingga Kongress Kebangsaan Parti Yang Akan Datang.

Juruaudit 1) W1428, Lee Sau Wei, Cawangan O.U.G

Pencadang : W2750 Lew Chee Kwan, Cawangan Taman Cheras

Penyokong: W0535 Chan Cheng Huat, Cawangan Gajah Berang

Juruaudit 2) W0534, Lee Siong Seng, Cawangan Gajah Berang

Pencadang : W0535 Chan Cheng Huat, Cawangan Gajah Berang

Penyokong: W1090, Chan Loong Wei, Cawangan Pekan Api-Api

- **Cadangan diluluskan sebulat suara oleh perwakilan Kongres**

Mesyuarat ditangguhkan sebentar pada jam 5:00 pm

11. Keputusan pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang baru oleh RO seramai 30 orang pada jam 7:20 pm. (SILA RUJUK LAMPIRAN C)

Mesyuarat ditangguhkan sebentar pada jam 5:00 pm